

# Teknologi AI perlu seimbang konteks budaya, nilai setempat

**Kuala Lumpur:** Penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam sistem pendidikan negara adalah penting, namun ia perlu diseimbangkan dengan konteks budaya dan nilai setempat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata teknologi AI jelas dibangunkan oleh barat dengan acuan dan nilai barat namun kepakaran tempatan perlu memasukkan data yang wajar selari dengan nilai dan norma timur pada teknologi berkenaan.

Katanya, dalam pertemuan dengan ketua syarikat Nvidia yang juga antara pengasas teknologi AI, baru-baru ini, beliau menyuarakan kerisauan mengenai teknologi itu yang jelas rekaan barat dengan nilai pemikiran Barat.

“Namun beliau menjawab, kita perlu melatih orang tempatan sehingga berkebolehan untuk memasukkan maklumat yang diperlukan supaya maklumat atau data yang ditafsir oleh AI dan hasil yang diterjemahkan itu sesuai dengan pemikiran, agama, budaya, sejarah kita.

“Ini menarik. Maknanya, apa yang dimasukkan korpus ilmu itu, itulah yang akan ‘dimuntahkan’ keluar, tidak ada yang luar daripada itu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan dalam satu sesi soal jawab bersama pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada program Temu Anwar di sini, semalam.

Anwar juga berkata, kerajaan mempertimbangkan untuk mengadakan program mempertemukan universiti atau institut latihan pertahanan antara negara Asia Tenggara bagi mengadakan aktiviti bersesuaian sempena Kepengerusian ASEAN pada tahun hadapan.

Katanya, program berkenaan boleh dilangsungkan sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) yang dipengerusikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada 2025.

Perdana Menteri berkata Malaysia diletakkan harapan tinggi dalam mempengerusikan ASEAN kali ini, dengan beberapa mesyuarat terbesar akan dianjurkan pada tahun hadapan termasuk Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

Malaysia mengambil alih jawatan pengerusi ASEAN secara rasmi pada 1 Jan 2025.